

# Gerakan rakyat jayakan antiperang

## Bush guna helah nuklear bagi perluas kempen keganasan ke atas Iran



**K**ETIKA dunia berterusan menghadapi keadaan tidak menentu gara-gara perlakuan dan tindakan melalui Amerika Syarikat termasuk menyerang negara berdaulat kononnya untuk mempertahankan dirinya, daripada ancaman penganas, usaha mewujudkan keamanan sedunia mula berputik.

Tetapi sama ada usaha mengisytiharkan peperangan sebagai satu jenayah akan mendapat sokongan ramai di seluruh dunia masih menjadi tanda tanya. Masih ada banyak negara yang terus berada di bawah telunjuk Amerika untuk mengharapkan mereka mendokong gerakan ini.

Demikian pula terlalu banyak dan besar pengaruh 'vested interest' dalam industri pembuatan senjata dan pelbagai peralatan pertahanan serta peperangan termasuk kapal perang, jet pejuang, peluru berpandu dan sebagainya yang meraih keuntungan berbilion dolar setiap tahun untuk mereka menerima apatah lagi menyokong inisiatif ini.

Apa yang perlu bukannya sokongan negara tertentu tetapi mendapatkan sokongan rakyat jelata supaya usaha ini boleh dikembangkan menjadi suatu gerakan besar-besaran menentang peperangan yang lazimnya menjadi satu-satunya cara menyelesaikan sebarang pertikaian atau konflik. Sokongan padu rakyat sesebuah negara akan memberi tekanan ke atas pemerintahannya untuk mengetepikan peperangan dan sebaliknya mendokong keamanan.

Usaha mencetuskan gerakan ini boleh mencapai kejayaan dalam masa singkat kiranya akhbar arus perdana yang berpengaruh sedia memberikan sokongan.

Malangnya kini tiada akhbar antarabangsa lebih-lebih lagi di Amerika Syarikat, negara yang sebenarnya mengan-

cam keamanan dunia, yang mahu menyertai gerakan ini dengan memberikan liputan sewajarnya terhadap inisiatif itu.

Apa tidaknya dengan majoriti daripada ratasan medianya iaitu akhbar, stesen TV dan radio dikuasai oleh hanya enam badan swasta yang mempunyai kepentingan 'vested interest' untuk bersekongkol dengan pentadbiran Presiden George W Bush.

Maka tidak menghairankan walaupun jumlah kematian askar Amerika semakin meningkat di Iraq dan sudah mencecah kepada 2,521 orang sehingga kelmarin serta 18,356 askar Amerika yang cedera, masih tidak ada gerakan antipeperangan besar-besaran dilancarkan seperti berlaku ketika peperangan Amerika di Vietnam pada 60-an dulu.

Di Malaysia sendiri tidak ada akhbar arus perdana yang sanggup memberikan sokongan padu dengan memberikan ruang secukupnya kepada gerakan keamanan ini supaya ramai rakyat jelata akan dapat dipengaruhi untuk menyertainya.

Sememangnya ikhtiar ini akan menghadapi pelbagai rintangan dan sukar mendapat sokongan menyeluruh. Apa pun inisiatif ini seharusnya disanjung semua kerana tanpa usaha mewujudkan keamanan berkekalan di dunia, ramai warga dunia yang tidak berdosa akan terus menderita azab peperangan.

Demikian pula sumber kekayaan setiap negara tidak dibazirkan untuk menyediakan pelbagai kelengkapan pertahanan, tetapi dapat digunakan untuk kebaikan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata di seluruh pelosok dunia.

Tahun ini saja, Amerika menyediakan AS\$538 bilion yang dianggarkan meningkat kepada AS\$669.8 bilion untuk perbelanjaan ketenteraan dan pertahanannya. Jumlah ini melebihi apa yang akan dibelanjakan semua negara lain di dunia untuk pertahanan dan ketenteraan yang berjumlah AS\$509 bilion.

Bayangkan dana yang begitu besar jika dapat dimanfaatkan dengan betul untuk kebaikan manusia sejagat, tentunya tidak akan wujud kemiskinan dan kebu-

luran di mana-mana.

Peneraju utama usaha mewujudkan gerakan keamanan dan antiperang ini Perdana Menteri ke empat, Tun Dr Mahathir Mohamad, berharap usaha itu pada suatu ketika nanti akan menjadi suatu gerakan besar-besaran yang mana majoriti umat dunia akan membenci peperangan.

Harapannya ialah gerakan ini berkembang seperti gerakan 'hijau' sekarang ini yang menyerap ke seluruh dunia dengan mendapat sokongan sejagat hingga semua negara terpaksa merestui usaha memberi pertimbangan terhadap pemuliharaan alam sekitar bagi setiap pembangunan yang hendak mereka laksanakan.

Usaha menggerakkan keamanan sedunia ini dimulakan pada Disember lalu melalui Forum Perdana Keamanan Sejagat yang membawa kepada wujudnya Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO) yang menghasilkan Deklarasi Kuala Lumpur menentang peperangan dengan mengisytiharkannya sebagai suatu jenayah.

Minggu lalu, suatu persidangan susulan yang membawa beberapa tokoh keamanan dunia bertemu kembali di ibu negara membincangkan usaha yang boleh dilakukan untuk menghebahkan Deklarasi Kuala Lumpur itu selain mendapat sokongan negara lain di dunia.

Antara usahanya ialah bersemuka dengan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan serta calon yang berhasrat menggantikan Annan akhir tahun ini untuk melobi sokongan antarabangsa menetapkan peperangan sebagai satu jenayah.

Dr Mahathir berkata, PGPO akan berusaha menjalin kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) di seluruh dunia bagi mengadakan satu jaringan kerja untuk mendapat sokongan ramai terhadap inisiatif jangka panjang ini. Sebagai usaha jangka pendek ialah mendapat sokongan bagi memastikan Amerika Syarikat tidak akan menyerang Iran.

Forum tiga hari itu cemas dengan perkembangan terakhir yang menunjukkan tanda jelas kemungkinan besar Presiden

Bush akan melancarkan serangan ke atas Iran gara-gara negara Islam itu berazam untuk meneruskan program nuklearnya.

Iran bermati-matian menjelaskan programnya itu adalah untuk keamanan yang akan digunakan untuk menjana elektrik. Usahanya itu diiktiraf oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Malah ia tidak bercanggah dengan apa yang dibenarkan oleh Non Proliferation Treaty yang ditandatangani Iran pada 1968 lagi.

Bagaimanapun, Bush tegas menyatakan dengan meneruskan rancangannya Iran akan mempunyai kemampuan membuat bom nuklear. Apa pun mengikut pakar tenaga atom antarabangsa Iran memerlukan kira-kira 10 tahun lagi untuk membuat bom atom itu pun kalau ia mahu.

Kalau pun ia mempunyai kebolehan membuat bom atom, Iran tidak mempunyai kepakaran membina peluru berpandu yang boleh melintasi udara hingga ke Amerika. Ini bermakna ia tidak mungkin boleh menjadi suatu ancaman ke atas Amerika seperti didakwa Bush.

Demikian pula ia tidak mungkin dapat mengancam Israel yang lebih maju dalam teknologi nuklear lengkap dengan peluru berpandu untuk membawa bom nuklear bagi menyerang Iran. Malah, Israel kini sudah membina ratusan bom nuklear tanpa siapa pun membantahnya.

Jika demikian halnya kenapa Bush dan konconya beriya-ya sangat menyerang Iran? Ini semuanya adalah gara-gara gerakannya untuk menghapuskan apa yang disebutnya sebagai penganas Islam.

Berikutan kejadian 11 September yang mengakibatkan lambang kapitalis Amerika menara berkemhar World Trade Centre merudum musnah ia sudah menjadi paranoid terhadap ancaman penganas.

Malangnya oleh kerana mereka yang dituduh melakukan serangan serentak ke atas WTC dan Pentagon hampir lima tahun lalu adalah puak militan Islam, penganut agama itu berterusan menjadi sasaran. Mereka dikaitkan pula dengan beberapa negara Islam termasuk Afghanistan, Iraq, Iran dan Syria.